

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

No. Rujukan : USM.38/1 Jld.II
Tarikh : 14 November 2025
Kepada : Staf USM Yang Menyertai/Sekretariat
Program Festival Of Idea 2025 (FOI 2025)

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 56 TAHUN 2025

- PEMBERIAN CUTI PAMPASAN KEPADA STAF YANG BERTUGAS DI PROGRAM FESTIVAL OF IDEA 2025

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Dato' Seri/Dato'/tuan/puan sedia maklum, Universiti Sains Malaysia telah menghantar penyertaan staf ke Festival IDEA 2025 (Festival of Idea – FOI) yang telah diadakan pada 24 hingga 25 Oktober 2025 (Jumaat – Sabtu) di Pulau Pinang dan 4 hingga 8 November 2025 (Selasa – Sabtu) di Putrajaya. Festival ini merupakan inisiatif anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai platform himpunan idea, inovasi dan inspirasi yang merentasi pelbagai disiplin ilmu.

3. Sehubungan itu, bagi menghargai komitmen, kerjasama dan penyertaan oleh staf serta sekretariat FOI 2025 pihak Universiti telah bersetuju untuk memberikan **Cuti Pampasan selama satu (1) hari kepada staf Kampus Pulau Pinang (Induk, Kejuruteraan dan IPPT) manakala dua (2) hari untuk staf Kampus Kesihatan.**

4. Syarat am pemberian Cuti Pampasan selama satu (1) hari adalah seperti berikut:-

- a) **Layak kepada staf yang bertugas termasuk yang disenaraikan** untuk menghadiri FOI di Pulau Pinang dan/atau FOI di Putrajaya.
- b) **Perlu memohon secara rasmi melalui Sistem e-Cuti dan tidak dibenarkan mengambilnya secara rekod manual** – rujuk Hebahan Pendaftar Bil. 58 tahun 2023 bertarikh 10 Oktober 2023.
- c) Staf yang mengambil Cuti Pampasan ini **adalah tidak layak untuk menuntut bayaran elaun lebih masa.**
- d) Tarikh pengambilan cuti adalah **tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan masing-masing.**
- e) Tempoh kelayakan pengambilan Cuti Pampasan ini adalah **sehingga 31 Disember 2025.**

5. Sekian, harap maklum. Terima kasih.

...2/-


HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 56 TAHUN 2025

- **PEMBERIAN CUTI PAMPASAN KEPADA STAF YANG BERTUGAS DI PROGRAM FESTIVAL OF IDEA 2025**
-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)
Pendaftar

s.k Naib Canselor